
**MAKLUMAN PELAKSANAAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-25
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)**

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Setelah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud yang juga merupakan Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), **Majlis Konvokesyen Ke-25 UNIMAS akan diadakan di Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA), UNIMAS** selama empat (4) hari bermula pada **14 Februari 2022 hingga 17 Februari 2022** untuk graduan **Tahun 2021**.

Majlis Konvokesyen kali ini akan diadakan secara bersemuka dan dipecahkan kepada empat (4) sidang bermula dengan Sidang Pertama pada 14 Februari 2022 dan diikuti dengan sidang-sidang seterusnya seperti ketetapan berikut:-

Tarikh	Sidang	Fakulti
14 Februari 2022 (Isnin)	Sidang Pertama (Pagi)	<ul style="list-style-type: none">• Siswazah• Fakulti Alam Bina (FAB) (Prasiswazah)• Anugerah Akademik
15 Februari 2022 (Selasa)	Sidang Kedua (Pagi)	<ul style="list-style-type: none">• Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK)• Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM)• Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
16 Februari 2022 (Rabu)	Sidang Ketiga (Pagi)	<ul style="list-style-type: none">• Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP)• Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM)• Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK)
17 Februari 2022 (Khamis)	Sidang Keempat (Pagi)	<ul style="list-style-type: none">• Fakulti Kejuruteraan (FK)• Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK)• Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS)

UNIMAS telah memutuskan **hanya GRADUAN SAHAJA dibenarkan masuk ke dalam kampus dan Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA), UNIMAS untuk menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-25 UNIMAS** bagi memastikan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat dapat dilaksanakan. Majlis Konvokesyen ini juga boleh diikuti atau ditonton oleh ibu bapa/pengiring secara *live streaming* melalui pautan yang akan diumumkan kemudian.

Walaupun teruja untuk meraikan para graduan yang akan bergraduat secara bersemuka, UNIMAS sentiasa meletakkan keutamaan pada aspek keselamatan dan kesejahteraan warga kampus dengan menilai segala risiko dan kaedah kawalan sama ada sebelum, semasa atau selepas penganjuran. Perkara ini termasuk keperluan vaksinasi lengkap yang sedang berkuat kuasa. Semua pihak yang terlibat termasuk staf dan graduan hendaklah mematuhi semua SOP Pencegahan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS).

Sehubungan itu, semua bakal graduan boleh melayari laman sesawang rasmi Majlis Konvokesyen Ke-25 UNIMAS di pautan <https://www.unimas.my/convocation> dari semasa ke semasa untuk mendapatkan SOP pelaksanaan dan maklumat terkini berkenaan penganjuran Majlis Konvokesyen Ke-25 UNIMAS.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Bin Suaidi
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak

3 Januari 2022